

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (22)

Tarikh : 06 Mac 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN SINAR HARIAN BERTAJUK “SUSAHNYA HIDUP TIADA MYKAD” BERTARIKH 3 MAC 2015 SELASA – M.S: 17

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Loganathan A/L Sanmugum yang tidak memiliki Mykad.

3. Untuk makluman, JPN telah membuat lawatan ke rumah Encik Loganathan A/L Sanmugum pada 4.3.2015. Hasil lawatan mendapati beliau mempunyai sijil kelahiran namun berdasarkan rekod JPN, beliau tidak pernah mengemukakan permohonan kad pengenalan.

4. Sehubungan dengan itu, wakil JPN telah membantu beliau dengan memberikan satu set borang Daftar Lewat Kad Pengenalan. Oleh yang demikian, kerjasama beliau amat diharapkan untuk mengemukakan borang yang telah lengkap diisi dengan hadir di pejabat JPN yang berhampiran untuk membolehkan permohonan tersebut diproses.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)